

50 Acara Serikan Festival Jemputan Sungai Melaka 2013



Oleh APULIZA ARSHAD

TAMAN REMPAH, 27 Mei - Festival Jemputan Sungai Melaka 2013 yang bermula Sabtu lepas sehingga 22 Jun ini mampu menarik lebih ramai pengunjung yang disasarkan iaitu lebih 800,000 orang berbanding 400,000 tahun lalu.

Keyakinan itu bertitik tolak dari lebih 50 persembahan menarik yang berskala besar disediakan khusus kepada pengunjung yang datang sepanjang festival tersebut berlangsung.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM), Datuk Baharom Majid berkata, antara acara tersebut ialah Melaka Parade, Perarakan Bot Berhias, persembahan silat, tarian naga dan sukma air menyaksikan penyertaan paling ramai.

"PPSPM dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan negeri lain telah menyediakan pelbagai program menarik dan cangkup menghiburkan kepada pengunjung yang datang.

"Setiap hari kita menyediakan pelbagai aktiviti dan setiap cuti hujung minggu aktiviti yang disediakan bermula dari pagi

hingga lewat malam," katanya yang turut memaklumkan kebanyakan aktiviti, darianjurkan berlangsung di Dataran Sungai Melaka dan Taman Rempah.

Majlis perasmian festival berkenaan akan disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri, Tun Mohd Khalil Yaakob serta dijangka dihadiri Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazeri Abdul Aziz dan Ketua Menteri, Datuk Wira Ir. Idris Haron pada 31 Mei ini.

Baharom berkata, majlis perasmian akan disertai dengan perarakan kira-kira 80 bot berhias yang mengandungi bahu-gian terutama mewakili pelbagai agensi kerajaan, pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) dan juga pihak swasta.

"Antara acara yang disediakan sepanjang festival berkenaan ialah persembahan kebudayaan kanak-kanak, pertandingan melukis dan mewarna kanak-kanak.

Selain pertandingan Melaka Idol, pertandingan Irama Malaysia, pertandingan bot kawalan jauh dan 'Battle Of The Band'.

"Sementara acara lain yang turut mencuri tumpuan ialah pertandingan rektro, pertandingan badang, festival pan-

tun, malam puisi, larian kita semula 2013, larian Sungai Melaka, pertandingan kayak

warna-warni rakyat Malaysia, pertandingan masakan dan sebagainya," katanya.

